

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 11 April 2017 19:09
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 360 Pelatih PLKN Kumpulan 1 Siri 14/2017 Mula Jalani Latihan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



11 APRIL 2017 / 13 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Nuradila Aziz

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

360 PELATIH PLKN KUMPULAN 1 SIRI 14/2017 MULA JALANI LATIHAN



UUM ONLINE: Seramai 360 pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2.0 Kumpulan 1 Siri 14/2017 kini sedang menjalani latihan di Kem PLKN Sintok dan Kem PLKN Dusun Minda Resort, Kuala Nerang yang bermula sejak 18 Mac lalu.

Majlis Perasmian Pembukaan PLKN 2.0 Kumpulan 1 Siri 14/2017 telah dirasmikan Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd Johari Baharum di Padang Kawad Palapes, pagi tadi.

Dato' Seri Mohd Johari berkata, pada tahun ini seramai 6,985 pelatih sedang mengikuti latihan PLKN di 27 kem latihan seluruh negara yang dijangka berakhir pada Mei hadapan.

Menurutnya, PLKN yang diperkenalkan pada 2004 bertujuan melahirkan generasi berwawasan dan berdisiplin, seterusnya menyemarakkan lagi perasaan cinta dan sayangkan negara.

"Sehingga kini, lebih 800,000 pelatih telah mengikuti latihan PLKN dan bagi meningkatkan nilai pasaran pelatih yang menamatkan PLKN, elemen kemahiran dalam program latihan di kem-kem PLKN telah dibuat dengan menghasilkan satu bentuk baru PLKN melalui dua fasa.

"Untuk fasa pertama, pelatih diperkenalkan dengan bentuk latihan dikenali Program Pembelajaran Bersepadu (ILP) menggunakan lapan modul seperti Malaysiaku, i-upgrade, myfuture dan kerohanian selama lapan minggu di kem PLKN seluruh negara," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut memakaikan pangkat kepada pelatih PLKN yang terdiri daripada Penghulu dan Penghuluwati serta Ketua Kompeni dari kedua-dua kem tersebut.

Tambah beliau, bagi fasa kedua pula, setiap pelatih berpeluang mengikuti latihan dalam bidang kemahiran diminati, malah Kementerian Pertahanan (MINDEF) telah bekerjasama dengan 10 kementerian lain menerusi 400 Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang menyediakan latihan kemahiran secara percuma serta kerjasama strategik dengan beberapa Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS).

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara, Dato' Mohmed Asri Yusof berkata, PLKN itu merupakan satu gambaran bahawa ia diteruskan bagi memenuhi keperluan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diubah suai mengikut kesesuaian keadaan semasa.

Katanya, pada tahun ini, seramai 20,000 pelajar dari 500,000 yang ada akan dipilih untuk menjalani latihan PLKN itu menerusi tiga kali pengambilan kemasukan.

"Saya berharap pelajar ini dapat mengambil peluang diberikan untuk mengembangkan semangat patriotisme dalam diri masing-masing, selain belajar dalam bidang kemahiran yang diminati mereka," ujarnya.

Hadir sama Panglima 2 Divisyen, Mejar Jeneral Dato' Mohd Ramli Jaafar; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim yang mewakili Naib Canselor dan komandan serta jurulatih kem PLKN.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.